

Akhlak landasan utama kualiti hidup

Keluarga bahagia mampu lahir generasi harapan masa depan negara



Ufuk
Minda

Bersama

Prof Dr Sidek Baba

DALAM menghadapi kerenah generasi muda yang terjebak dengan salah laku sosial dan budaya, pemikiran dan watak, kadang-kadang kita menjadi hilang punca dan akhirnya kerenah ini menjadi wabak yang sukar dibendung. Amalan salah guna dadah, kehidupan orang muda yang lepas bebas, skandal seks dan jenayah remaja amat menakutkan, gejala mat rempit semakin menular adalah natijah daripada suatu proses pembudayaan dan perubahan menjadikan Barat sebagai sumbernya.

Barat tidak ditentang kerana ia Barat, tetapi dari Barat berlaku suatu proses pembaratan yang memiliki agenda tersirat untuk memerangkap generasi muda Islam dan juga generasi umat manusia. Fahaman sekular berkembang dan sikap liberal diambil tidak menjadikan agama dan nilai sebagai landasan, sebaliknya nilai merangsang fahaman kebendaan dan nafsu menjadi lebih nyata dan dominan.

Banyak aspek positif di Barat yang boleh diambil atas maksud berbanding terutama dalam bidang sains dan teknologi. Tetapi kecenderungan sebahagian besar generasi muda kita ialah meniru aspek budaya popular yang banyak membawa kesan negatif terhadap tingkah laku dan perangai mereka. Gaya hidup Barat yang lepas bebas menjadi rujukan mereka. Akhirnya ukuran maju dan moden bagi mereka ialah menjadi Barat sepenuhnya.

Perubahan dan kemajuan adalah sesuatu pasti berlaku. Tetapi, apakah perubahan dan kemajuan membawa manusia kepada kualiti hidup yang tinggi. Kualiti hidup



ASET BERNILAI: Keluarga bahagia dan mampu menghasilkan anak cerdas, ceria serta mempunyai keakraban hubungan yang tinggi.

Asas pembangunan keluarga

- Anak pada peringkat pembe-saran, pembentukan dan pen-dewasaan memerlukan ibu dan bapa.
- Bakat ada pada anak perlu di-gilap secara fitrah.
- Anak harus dilihat sebagai aset lebih bernilai daripada yang lain.
- Pengaruh ibu menjadikan sum-ber utama dalam pembentu-kan kasih sayang dan perhatian bermakna.
- Mengutamakan aspek kebendaan menyebabkan anak ter-abai satu kesilapan besar.
- Ibu bapa berilmu memiliki ke-upayaan untuk menghasilkan pendidikan berkualiti di ru-mah.
- Keciciran dalam pendidikan bo-leh menyebabkan anak hilang arah dalam memilih rakan se-baya sesuai dan akhirnya tewas di tengah-tengah cabaran ma-syarakat amat rumit.

babkan anak hilang arah dalam memilih rakan sebaya sesuai dan akhirnya tewas di tengah-tengah cabaran masyarakat amat rumit.

Peluang pendidikan luas di Malaysia se-patutnya menjadikan ibu bapa lebih ber-

hasilkan pendidikan berkualiti di rumah. Walaupun isu pekerjaan sering menjadi alasan bagi ibu bapa, namun pengurusan masa yang berkualiti sepatutnya membolehkan hubungan anak dan ibu bapa menjadi lebih akrab. Anak harus dilihat sebagai aset lebih bernilai daripada yang lain. Aspek kebendaan memang penting bagi keluarga tetapi, meletakkan aspek kebendaan sebagai yang utama hingga menyebabkan anak terabai adalah suatu kesilapan besar.

Bayangkan sekiranya anak terabai terjebak dengan amalan salah guna dadah, apakah ia mampu ditebus dengan wang ringgit yang banyak. Ternyata pembabitan anak-anak dalam kes salah guna dadah amat kecil kemungkinannya untuk kembali sebagai generasi normal. Aset yang asalnya memiliki potensi tinggi menjadi korban akibat kealpaan dan salah keutamaan berlaku di dalam keluarga.

Aspek lain lebih penting ialah pengaruh ibu yang menjadikan sumber utama dalam pembentukan kasih sayang dan perhatian yang benar-benar bermakna. Rasulullah SAW apabila ditanya sahabatnya mengenai asas kepatuhan selepas ketaatan kepada Allah dan Rasul menyebutkan ketaatan kepada ibu sebanyak tiga kali dan menyebutkan ketaatan kepada bapa sekali saja. Ia tidaklah bermakna peranan bapa tidak penting.

Rujukan hadis ini memberikan fokus terhadap kualiti keibuan yang amat tinggi kesannya terhadap anak. Ibu yang mengandung dan melahirkan anak dengan susah payah. Pada ibu terdapat kualiti kasih sayang yang tulen, rasa belaian yang tinggi

dan menjadi rujukan utama kepada anak-anak yang sedang membesar. Sekiranya kualiti ini disuburkan di kalangan anak, keluarga dan rumah tangga, anak akan mempunyai suasana yang merangsang pem-besaran positif.

Malangnya, ramai di kalangan anak-anak tidak mempunyai kesempatan seperti ini. Roh keibuan dalam erti kata mendidik dan membela tidak berlaku dan akhirnya peranan membesar dan meremajakan anak-anak terletak di tangan 'bibi' yang belum tentu memiliki kualiti keibuan yang sama. Dalam masa sama bapa juga harus memainkan peranan pelengkap bagaimana pembesaran dan pendewasaan anak-anak dibentuk dengan perimbangan watak ke-ibuan dan kebapaan yang menawarkan sumber teladan, jalan berhubung untuk anak-anak menyatakan keluhan dan mendapat jawapan tentang sesuatu perkara yang berbangkit secara jujur, sabar dan bijaksana.

Yakinlah bahawa keluarga yang bahagia dan mampu menghasilkan anak-anak yang cerdas dan ceria adalah keluarga yang mempunyai keakraban hubungan yang tinggi. Seluruh kasih sayang ibu bapa tertumpah untuk mendidik anak. Ibu bapa menjadi contoh terbaik kepada anak-anak. Pada ibu bapa terdapat sumber inspirasi dan motivasi tinggi hingga menyebabkan anak-anak kembali kepada keluarga apabila menghadapi sesuatu masalah. Atas nama kasih sayang dan belaian, masalah anak-anak dapat diatasi dengan bijaksana. Inilah kualiti anak-anak yang diperlukan supaya remaja dan dewasanya menyumbang terhadap negara dan umat.